

**Abdullah Yakin Kerusi Parlimen Balik Pulau Kembali Kepada BN
Bernama
28 April, 2013**

BALIK PULAU, 28 April (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi yakin Barisan Nasional (BN) mampu memenangi semula kerusi kawasan Parlimen Balik Pulau pada pilihan raya umum ke-13 (PRU13), 5 Mei ini.

Beliau berkata keyakinan itu berdasarkan kredibiliti dan kewibawaan calon-calon BN yang dibariskan pucuk pimpinan parti untuk bertanding di kawasan parlimen berkenaan.

"Saya melihat kesemua calon di kerusi Parlimen dan tiga calon kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) sangat komited, bersungguh-sungguh dan bersemangat tinggi. Ini sekaligus menyuntik semangat untuk berdepan pembangkang yang bertanding di kawasan ini," katanya.

Beliau berkata demikian di hadapan kira-kira 3,000 tetamu yang hadir pada Majlis Makan Malam Amal di Sekolah Menengah Kebangsaan Pondok Upeh, di sini Sabtu malam.

Turut hadir calon Parlimen Balik Pulau Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya, calon BN bagi kawasan DUN Bayan Lepas Nordin Ahmad, DUN Teluk Bahang Datuk Shah Headan Ayoob Hussain Shah dan DUN Pulau Betong Muhamad Farid Saad.

Abdullah berkata kredibiliti calon BN Pulau Pinang khususnya di Balik Pulau tidak boleh dipertikai kerana kesemua mereka mempunyai daya kepimpinan unggul untuk menyuarkan harapan penduduk di Balik Pulau.

Selain itu, Abdullah berharap agar ketiga-tiga kerusi DUN yang dimenangi BN pada PRU12 itu terus dikekalkan.

Pada PRU12, BN memenangi kesemua kerusi DUN di kawasan Parlimen Balik Pulau. Bagi DUN Bayan Lepas calon BN Syed Amerrudin Syed Ahmad mengalahkan calon PAS Asnah Hashim dengan majoriti 399 undi, manakala bagi DUN Teluk Bahang Hilmi mengalahkan calon PKR Datuk Abdul Halim Hussain dengan majoriti 465 undi.

Bagi kerusi DUN Pulau Betong pula penyandang kerusi itu Muhamad Farid mengalahkan calon PKR Datuk Mansor Othman dengan majoriti 294 undi.

Bagaimanapun, bagi kerusi Parlimen calon PKR Mohd Yusmadi Mohd Yusoff mengalahkan calon BN Datuk Dr Noraessah Mohamad dengan majoriti 708 undi.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=945756>